



KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

15 JUN 2023 (KHAMIS)



KERATAN AKHBAR (KPDN)

15 JUN 2023 (KHAMIS)

Kuala Lumpur: Peniaga kedai runcit sekali lagi diingatkan supaya tidak menjual gula secara bersyarat memandangkan ia adalah satu tindakan yang menyalahi undang-undang.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Fuziah Sal-leh berkata, mana-mana peruncit yang didapati berbuat demikian boleh dikenakan tindakan termasuk lesen perniagaan mereka digantung.

"Jualan bersyarat ini salah dari segi Akta Kawalan Bekalan 1961... Kadang-kadang peruncit nak buat keuntungan lebih (memandangkan) gula standard keuntu-

Peniaga jual gula bersyarat langgar undang-undang

ngan mereka sikit sangat, 10 sen.

"Tapi kita kena ingatkan bahawa ini adalah antara perkara yang salah," katanya sambil menyeri pengguna supaya melaporkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) jika terdapat peruncit yang berbuat demikian.

Beliau berkata demikian ketika menjadi tetamu program Ruang Bicara bertajuk 'Isu Bekalan Gula: Di Mana

Manisnya?' terbitan Bernama TV malam kelmarin.

Sebelum ini, dilaporkan terdapat peniaga yang menge-nakan syarat untuk setiap pembelian dua kilogram gula pasir kasar berharga RM2.85 sebungkus, pelang-gan perlu membeli satu ki-logram gula putih premium berharga RM4.60 sebungkus.

Fuziah berkata menerusi Ops Manis yang dilancar KPDN sejak awal Mei lalu, sebanyak tujuh kertas sia-

satan berkaitan penjualan gula bersyarat sudah dibuka namun isu itu berjaya dikawal menerusi tindakan te-gas pihak penguatkuasaan yang kerap turun padang memantau situasi.

Mengulas mengenai keluhan rakyat yang berdepan kenaikan harga barang, beliau berkata mereka seharusnya dididik mengenai kuasa sebagai pengguna yang boleh menentukan turun naik harga barang di pasaran. - Bernama

KPDN fokus tindakan isu gula

GUA MUSANG: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan tidak akan berkompromi dengan peniaga yang membuat penjualan gula secara bersyarat kepada pengguna di negeri ini.

Pengaranya, Azman Ismail berkata, pada masa sama pemantauan berterusan ke atas bahan mentah itu terus dilakukan bagi memastikan bekalan sentiasa mencukupi menjelang Aidiladha.

Menurutnya, setakat ini harga gula ditetapkan kerajaan adalah di bawah harga kawalan iaitu RM2.85 sekilogram.

"Jika ada yang menjual lebih daripada harga kawalan, kita akan ambil tindakan.

"Jadi peniaga diharap bersama-sama bantu rakyat dengan tidak mengambil kesempatan di dalam keadaan terdesak tertamanya di musim Aidiladha," katanya ketika ditemui pada Program Jualan Rahmah Parliment Gua Musang di Dataran Kesedaran, Bandar Baru di sini semalam.

Jelasnya, setakat ini pihaknya menerima aduan dua kes-



AZMAN ISMAIL (kiri) melihat bekalan beras pada program Jualan Rahmah yang diadakan di Dataran Kesedaran, Bandar Baru, Gua Musang, Kelantan. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

di Pasir Mas yang menjual gula melebihi harga kawalan.

Katanya, kerajaan akan mewujudkan skim untuk barang-barang kawalan setiap kali musim perayaan.

"Kita bimbang pengusaha akan

mengambil kesempatan apabila permintaan barang tinggi.

"Tindakan tegas akan diam-bil bagi memastikan pengguna tidak menerima kesan dengan kenaikan harga yang tidak mu-nasabah," jelasnya.

KPDN beri amaran kepada penjual menjelang Aidiladha hujung bulan ini

Jangan jual gula bersyarat, mahal

Oleh AIMUNI TUAN LAH

GUA MUSANG – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Kelantan tidak akan berkompromi dengan peniaga yang membuat penjualan gula secara bersyarat dan menaikkan harga barang tersebut sempena Hari Raya Aidiladha.

Pengaruhnya, Azman Ismail berkata, pihaknya sudah melakukan pemantauan dan peniaga juga ditingatkan untuk memastikan bekalan tersebut sentiasa ada di pasaran.

Katanya, setakat ini, harga gula yang ditetapkan pihak kerajaan adalah di bawah harga kawalan iaitu RM2.85 sekilogram.

"Sekiranya ada yang menjual lebih daripada harga kawalan, kita akan ambil tindakan serta-merta kerana amaran sudah diberikan.

"Jadi, peniaga-peniaga diharap bersama-sama bantu rakyat de-



AZMAN (kiri) memeriksa bekalan beras yang dijual pada Program Jualan Rahmah Parlimen Gua Musang di Dataran Kesedaran, Gua Musang semalam. – AIMUNI TUAN LAH

ngan tidak mengambil kesempatan di dalam keadaan terdesak terutamanya di musim Hari Raya Aidiladha," katanya ketika ditemui pemberita pada Program Jualan Rahmah Parlimen Gua Musang di Dataran Kesedaran, Bandar Baru di sini semalam.

Mengulas lanjut, Azman memberitahu, setakat ini, pihaknya menerima aduan dua kes di daerah Pasir Mas yang menjual gula melebihi harga kawalan.

Katanya, kerajaan akan mewujudkan skim untuk barang-barang kawalan setiap kali musim perayaan.

"Kita bimbang pengusaha akan mengambil kesempatan apabila permintaan barang tinggi.

"Tindakan tegas akan diambil bagi memastikan pengguna tidak menerima kesan dengan kenakan harga yang tidak munasabah," katanya.

Penyeludup lari tinggalkan 1,814kg minyak masak

TUMPAT: Sekumpulan penyeludup yang ‘ligat’ memunggah kotak-kotak minyak masak paket bersubsidi dari lintang-pukang selepas diserbu anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan di jalan Wakaf King, Palekbang di sini kelmarin.

Dalam serbuan pukul 12.55 tengah hari itu, KPDN Kelantan merampas 1,814 kilogram (kg) minyak masak paket yang dipercayai mahu disecludup ke negara jiran.

Pengarahnya, Azman Ismail berkata, bertindak atas maklumat risikan sepasukan anggota telah mengekori dua buah kereta jenis Perodua Myvi dan Viva yang dipandu dalam keadaan mencurigakan dari arah Kubang Kerian menghala ke Tumpat.

Menurutnya, sejurus di tiba dilokasi anggota bertugas telah mendapati sekumpulan individu sedang memunggah kotak-kotak dipercayai mengandungi minyak masak.

“Anggota bertugas kemudian membuat serbuan dan terkejut dengan kehadiran KPDN, kumpulan lelaki itu telah bertindak melarikan diri ke dalam kawasan semak berhampiran.

“Pemeriksaan lanjut ke atas kedua-dua buah kereta itu membawa kepada penemuan kotak berisi minyak masak paket berjumlah 1,819 kg,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Azman memberitahu, selepas satu jam serbuan dilakukan seorang lelaki tempatan berumur 30-an tampil mengaku barang tersebut dan kereta adalah miliknya.

Katanya, bagaimanapun suspek gagal mengemukakan sebarang dokumen berkaitan pemilikan barang kawalan yang bera pada di kedua-dua buah kereta itu.

Lari tinggalkan 1.8 tan minyak masak

Oleh ROSLIZA MOHAMED

TUMPAT — Sekumpulan penyeludup lari lintang-pukang meninggalkan minyak masak peket seberat 1,814 kilogram selepas kegiatan mereka dikepassan di Jalan Wakaf King, Palekbang, di sini kelmarin.

Serbuan dijalankan anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan kira-kira pukul 12.55 tengah hari semasa penyeludup memunggah kotak mengandungi minyak masak di dalam dua buah kereta.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail berkata, bertindak atas maklumat orang ramai, sepasukan anggota mengekor dua kereta yang dipandu dalam keadaan mencurigakan dari arah Kubang Kerian menghala ke Tumpat.

Katanya, semasa tiba di Wakaf King, sekumpulan lelaki sedang memunggah kotak-kotak dipercaya mengandungi

minyak masak dari dalam kereta.

"Anggota KPDN terus membuat serbuan sebelum mereka bertindak melarikan diri ke dalam kawasan semak berhampiran.

"Pemeriksaan lanjut ke atas kedua-dua buah kereta menemui kotak-kotak berisi minyak masak peket berjumlah lebih 1.8 tan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Azman memberitahu, seorang lelaki tempatan berusia dalam lingkungan 30-an tampil mengaku minyak masak dan kereta tersebut miliknya selepas satu jam serbuan dilakukan.

Bagaimanapun, katanya, lelaki itu gagal mengemukakan sebarang dokumen berkaitan pemilikan barang kawalan yang berada di dalam kedua-dua buah kereta berkenaan.

Tambahnya, dia kemudian ditahan mengikut Seksyen 10 Akta Kawalan Bekalan 1961 untuk siasatan lanjut.



ANGGOTA penguat kuasa KPDN memeriksa minyak masak peket bersubsidi yang dirampas di Palekbang, Tumpat kelmarin. — IHSAN KPDN

Ketum tidak laku, penyeludup tumpu seludup diesel subsidi

Oleh ASYRAF MUHAMMAD
utusannews@mediamulia.com.my

KANGAR: Permintaan ketum dari negara ini yang sudah tidak laku di Thailand susulan polis negara jiran menghalalkan daun berkenaan menyaksikan penyeludup mula beralih arah dengan aktiviti seludup minyak petrol dan diesel subsidi yang lebih menguntungkan.

Penyeludup dikatakan mampu meraih keuntungan sebanyak RM1.79 bagi seliter petrol RON95 yang dijual di Thailand manakala diesel pula mengaut untung RM1.16 seliter.

Mereka yang melakukan kegiatan berkenaan mampu meraih keuntungan hampir RM500 bagi satu trip dengan menggunakan empat jenis kenderaan iaitu kereta sedan, van, pacuan empat roda dan lori membabitkan 430 liter.

Di Thailand harga bahan bakar itu dijual pada harga RM3.84 seliter berbanding harga ditetapkan di stesen minyak bersubsidi iaitu RM2.05 seliter manakala diesel juga dipasarkan dengan harga RM3.31 seliter.

Peningkatan tersebut dapat dilihat iaitu pada tahun lalu, sebanyak 45 kes penyelewengan diesel dan petrol bersubsidi direkodkan di Perlis membabitkan rampasan bernilai RM106,000.70.

Tahun ini sehingga Jun, sebanyak 48 kes penyelewengan diesel dan petrol bersubsidi di-



ANGGOTA penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) melakukan pemeriksaan kandungan cecair di dalam tong drum yang dipercaya dilisi dengan petrol dan diesel subsidi bagi tujuan penyelewangan.

rekodkan di negeri ini membabitkan nilai rampasan berjumlah RM145,573.15.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN) negeri, Norazah Jaapar berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan sindiket penyeludupan ketum mula beralih arah melakukan kegiatan penyelewengan bahan bakar itu memandangkan ia lebih menguntungkan.

"Tidak mustahil mereka aktif melakukan kegiatan penyelewangan bahan kawalan ini susulan daripada permintaan tinggi yang diterima, malah

sindiket juga mampu meraih keuntungan lumayan berikutan daripada kejatuhan harga ke-tum," katanya.

Mengikut statistik, rampasan ketum dari 2020 sehingga 2023 menyaksikan penurunan cukup ketara iaitu pada 2020 sebanyak 180,485 kilogram ketum dirampas; 2021 (160,022 kilogram); 2022 (53,269 kilogram) dan sehingga April tahun ini hanya sekitar 13,000 kilogram.

Tambah Norazah, jumlah rampasan petrol RON95 dan diesel bagi tempoh hampir dua tahun ini adalah sebanyak RM251,573.85 membabitkan 93 kes.

"Sindiket penyelewengan

diesel kebiasaannya akan memasang tangki tambahan pada kenderaan mereka bagi mengisi bahan api kawalan itu sehingga penuh lalu dikumpulkan di setor-setor haram sekitar Wang Kelian dan Padang Besar.

"Petrol dan diesel yang dikumpulkan di setor haram itu kemudiannya akan dijual kepada kenderaan bernombor pendaftaran asing.

"Sindiket juga mengaburi mata pengusaha stesen-stesen minyak dengan melakukan pengisian bersesuaian mengikut jenis kenderaan dipandu mereka bagi menampakkan pembelian itu adalah normal," katanya.



KPDN menyerbu sebuah stor yang disyaki menjadi lokasi kegiatan penyelewengan diesel di Kawasan Perindustrian Bukit Kayu Hitam, kelmarin.

KPDN Kedah serbu stor sorok diesel di Bukit Kayu Hitam

BUKIT KAYU HITAM – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah menyerbu sebuah stor di Kawasan Perindustrian Bukit Kayu Hitam di sini, yang dijadikan lokasi untuk menyimpan diesel bersubsidi untuk dilewangkan.

Pengarahlanya, Affendi Rajini Kanth berkata, serbuan kira-kira pukul 11.30 pagi kelmarin itu dibuat hasil risikan pegawai penguat kuasanya.

"Serbuan stor tanpa tuan itu menemui dua kontena berkunci dan tong fiber yang diletakkan di kawasan lapang di dalam premis tersebut.

"Pemeriksaan lanjut mendapati dua kontena berkenaan

masing-masing mengandungi sebuah tangki berisi diesel berserta seunit pam dan sebuah tangki dan pam," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kata Affendi, pegawai penguat kuasa seterusnya bertindak menyita barang-barang berkenaan kerana disyaki digunakan untuk penyelewengan diesel.

"Jumlah diesel yang disita dianggarkan 7,200 liter bernilai RM15,480, manakala nilai rampasan keseluruhan dianggarkan RM37,240," ujarnya.

Tambahnya, kes disiasat di bawah Seksyen 20 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan bersama Peraturan 3 (1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.



MEDIA ONLINE (KPDN)

15 JUN 2023 (KHAMIS)

BERITA ONLINE BERTARIKH 15 JUN 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
15-Jun	KPDN Kedah serbu stor sorok diesel untuk diseleweng	https://www.kosmo.com.my/2023/06/14/kpdn-kedah-serbu-stor-sorok-diesel-untuk-diseleweng/	KOSMO
15-Jun	Tiada kompromi jika jual gula bersyarat – KPDN Kelantan	https://www.utusan.com.my/berita/2023/06/tiada-kompromi-jika-jual-gula-bersyarat-kpdn-kelantan/	UM
15-Jun	Tak sempat seludup 1,814 kg minyak masak ke Thailand	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/tak-sempat-seludup-1-814-kg-minyak-masak-ke-thailand-423857%3famp=1	ASTROAWANI
15-Jun	Tak sempat seludup 1,814 kg minyak masak ke Thailand	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/263345	SH
15-Jun	Jualan Rahmah bantu golongan kurang mampu	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/jualan-rahmah-bantu-golongan-kurang-mampu-423841%3famp=1	ASTROAWANI
15-Jun	Chicken price would have surpassed RM11 per kg, says breeder in lauding govt move to maintain subsidies	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/06/919997/chicken-price-would-have-surpassed-rm11-kg-says-breeder-lauding-govt-move	NST
15-Jun	Tindakan serta-merta terhadap peniaga naikkan harga gula	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/263423	SH
15-Jun	Kelantan KPDN to take immediate action against traders who raised price of sugar	https://www.thesundaily.my/local/kelantan-kpdn-to-take-immediate-action-against-traders-who-raised-price-of-sugar-JB11103930	THESUNDAILY

15-Jun	Kelantan KPDN to take immediate action against traders who raised price of sugar	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2198124	BERNAMA
15-Jun	Tindakan serta-merta terhadap peniaga naikkan harga gula	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2197988	BERNAMA
15-Jun	KPDN fokus tindakan isu gula	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/kpdn-fokus-tindakan-isu-gula/	UM